

Majlis Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia

oleh: Nurfazilah Binti Ali Mansor



Ketua program Kerja Sosial, En. Risalshah bin Latif.

SABTU, 15 MAC – Universiti Malaysia Sabah buat julung kalinya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2014 yang berlangsung di Sekolah Psikologi Kerja Sosial (SPKS) baru-baru ini. Majlis dirasmikan oleh En. Risalshah Bin Latif, Ketua Program Kerja Sosial (HA52) yang mewakili Dekan SPKS iaitu Y.bhg Prof. Madya Dr. Munirzam Haji Halik.

Majlis tersebut buat pertama kalinya disambut diperingkat UMS dan UMS berhasrat untuk meneruskan lagi program seperti ini pada tahun yang akan datang dengan menjadikan acara ini sebagai salah satu agenda tahunan Kelab Kerja Sosial.

Hari Kerja Sosial Sedunia jatuh pada 18 Mac setiap tahun dan disambut oleh semua pekerja sosial di seluruh dunia melalui pelbagai aktiviti. Tema sambutan pada kali ini adalah "Krisis Sosial dan Ekonomi : Penyelesaian Kerja Sosial" ("Social and Economic Crisis : Social Work Solution"). Tema pada kali ini mempunyai kesinambungan pada tahun lalu iaitu " Mempromosikan Kesamarataan Ekonomi dan Sosial " ("Promoting Social and Economic Equalities").

Hari Kerja Sosial Sedunia kali ini merupakan sambutan yang keenam yang mana ia telah diilhamkan oleh International Federation Of Social Work (IFSW), merupakan sebuah organisasi global yang berusaha untuk memperjuangkan keadilan sosial, hak asasi manusia dan pembangunan sosial melalui promosi profesion kerja sosial, model amalan terbaik dan memudahkan kerjasama antarabangsa melalui perkongsian maklumat serta berpengalaman berkaitan dengan bidang kerja sosial.

Menurut pengarah program, Muarin Bin Muhammad matlamat utama majlis ini ialah menjayakan seminar isu-isu kerja sosial sekaligus meraikan Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2014 serta menghargai pekerja sosial.

"Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim di antara pekerja sosial, para pensyarah dan mahasiswa serta masiswi kerja sosial, UMS. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar membina hubungan dan menjalinkan kerjasama dengan organisasi daripada pengamal profesion pertolongan" katanya ketika ditemui.

Mengulas tentang kepentingan program ini terhadap pelajar, Muarin berkata program ini membuka ruang kepada pelajar agar terdedah dengan dunia luar terutama dalam aspek penglibatan aktiviti luar.

"Program ini juga memberi peluang kepada pelajar membina hubungan dan menjalinkan kerjasama dengan organisasi daripada pengamal profesion pertolongan." Katanya ketika mengulas lanjut berkaitan matlamat program ini diadakan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Kerja Sosial Perubatan, Hospital Queen Elizabeth I, Puan Doreen Edward

selaku penceramah undangan yang dijemput khas pada majlis tersebut bagi menyampaikan ceramah.